



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAJET 2023 KEMENTERIAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman Bajet 2023 yang mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bajet 2023, memberi fokus kepada empat (4) teras utama iaitu kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan kerajaan.

“**Keluarga Malaysia Makmur Bersama**” adalah **tema bajet 2023**. Kerajaan mengambil pendekatan **responsif** iaitu memperkuatkan momentum pemulihan ekonomi, **bertanggungjawab**, memperkuuh daya tahan ekonomi dan **reformis** dalam melaksanakan pembaharuan menyeluruh.

Secara keseluruhan, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerima **RM8.136 bilion peruntukan bagi tahun 2023, kenaikan 11%** berbanding RM7.306 bilion yang diterima pada tahun 2022. Jumlah **bajet mengurus KKR** yang diluluskan adalah sebanyak **RM865.27 juta** berbanding RM823.5 juta yang diterima untuk tahun 2022. Manakala **bajet pembangunan tahun 2023** yang diluluskan adalah sebanyak **RM7.270 bilion** berbanding RM6.483 bilion pada tahun 2022.

Bajet 2023 menyaksikan Kerajaan bersetuju meneruskan **projek mega berimpak tinggi** dengan kos **RM16.5 bilion** bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo, Jalan Lingkaran Tengah Utama (CSR), Landasan Kereta Api Berkembar Gemas - Johor Bahru, Johor Bahru-Singapore Rapid Transit System (RTS) Link dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Selain itu, sebanyak **RM510 juta** diperuntukan bagi menambahbaik kemudahan jaringan Lebuhraya ke Pengerang iaitu pembinaan lorong memotong di Senai Desaru Expressway dan menaiktaraf Lebuhraya Utara Selatan di Senai Utara - Pandan.

KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) juga dipertanggungjawabkan melaksanakan projek pembangunan infra Kementerian Pelangan seperti:

- a) Membina **85 jambatan baharu** bagi menggantikan jambatan yang uzur serta tidak selamat dengan peruntukan berjumlah **RM54 juta**.
- b) **RM9 juta** juga diperuntukan kepada JKR bagi menggantikan feri sedia ada yang berusia lebih 34 tahun yang bakal memanfaatkan 30 ribu penduduk Tumpat, Kelantan.
- c) **RM1.1 bilion** diperuntukan untuk menyenggara dan membaik pulih sekolah merangkumi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama (**kategori sekolah bantuan Kerajaan**).
- d) **RM145 juta** untuk penyenggaraan, naik taraf dan pembinaan kemudahan sukan.

KKR akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengimbangi pertumbuhan dengan **konsolidasi fiskal yang mempunyai impak secara langsung kepada rakyat, penggiat industri pembinaan dan pembangunan sektor**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊕ PRO@KKR.GOV.MY ⊕ KEMENTERIAN KERJA RAYA ⊕ KKR_MALAYSIA ⊕ @MOWORKS ⊕ KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

pembinaan itu sendiri bagi menghadapi cabaran ketidaktentuan ekonomi global.

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi bajet 2023:

- a) **Dana Mudah Cara Infrastruktur** untuk menyokong pelaksanaan Kerjasama Awam Swasta (PPP) sebanyak **RM250 juta**.
- b) **Peruntukan RM500 juta** bagi projek membabitkan kontraktor G1-G4 untuk **projek pembaikan dan penyenggaraan** melibatkan pembaikan infrastruktur awam rosak akibat banjir, Jalan Persekutuan, Rumah Ibadat, Titi dan Jambatan Kecil.
- c) **Inisiatif Kontraktornita** bagi menyokong penyertaan lebih ramai kontraktor wanita Bumiputra dalam perolehan Kerajaan, dengan peruntukan sebanyak **RM50 juta ringgit nilai projek-projek kecil** akan dikhurasukan kepada kontraktor wanita kelas G1 hingga G4.

Selain daripada projek mega yang diumumkan terdapat satu **fokus baharu** yang dibentangkan dalam bajet kali ini, iaitu **perancangan pembangunan bandar-bandar yang bersempadan dengan Thailand dan Kalimantan, Indonesia antaranya di Bukit Kayu Hitam Kedah, Kalabakan Sabah serta Tebedu dan Bakelalan, Sarawak dengan kos RM150 juta ringgit**. Kerajaan turut bercadang untuk memulakan kerja awalan bagi pembinaan jalan baharu dari Kalabakan Sabah ke Simanggaris Indonesia dan menaik taraf Jalan Serian-Tebedu Sarawak ke sempadan Indonesia.

Bajet 2023 turut memfokuskan Pembangunan Antara Wilayah untuk memastikan kesejahteraan penduduk negeri Sarawak dan Sabah dengan memberi tumpuan seperti pembinaan sekolah baharu, antaranya sebuah sekolah baharu di Sarawak (SMK Dudong Sarawak) dan sebuah sekolah baharu di Sabah (SMK Nabalu Sabah) serta RM 420 juta bagi membaiki hospital dan klinik daif dan penggantian peralatan usang. Keutamaan diberikan kepada fasiliti kesihatan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Bajet 2023 ini merupakan kesinambungan usaha kerajaan memulih dan memantapkan ekonomi negara dan Keluarga Malaysia pasca pandemik yang telah dijalankan sejak 2021. KKR yakin Bajet 2023 mampu menjadikan Keluarga Malaysia mendepani cabaran membina semula daya ketahanan ekonomi negara.

Ternyata, komitmen kerajaan jelas dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Keluarga Malaysia terus diberi keutamaan manakala agenda pertumbuhan ekonomi negara terus diperkasa dan diberi sokongan dalam fasa pemulihan dan pertumbuhan ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

7 OKTOBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊕ PRO@KKR.GOV.MY ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ⊕ [KKR_MALAYSIA](#) ⊕ [@MOWORKS](#) ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur